

12-14 JAN
2025

LAWATAN PEMETAAN ISU



APPGM-SDG

MENINGKATKAN KETERANGKUMAN DAN KEMAMPUAN



Disediakan oleh:

Persatuan Promosi Matlamat
Pembangunan Lestari



JEMPOL

DENGAN SOKONGAN DARIPADA

AHLI PARLIMEN JEMPOL, YB DATO' HAJI SHAMSHULKAHAR MOHD DELI



TEMPAT-TEMPAT YANG TELAH DILAWATI

HARI 1

1. FGD 1 dan Lawatan Tapak 1: Komuniti Orang Asli Kampung Panchor
2. FGD 2 & 3: Komuniti India dan Cina
3. Lawatan Tapak 2: Pertemuan Antara Sungai Muar dan Sungai Jempol

HARI 3

8. FGD 7: Komuniti Banjir dan Petani Kampung Baru Rompin
9. FGD 8: Komuniti Kampung Melayu Tradisi Kampung Sri Rompin
10. FGD 9: Komuniti Pengusaha Homestay Kampung Lonek

12 Jan – 14 Jan 2025
(Ahad – Selasa)

HARI 2

4. FGD 4: Komuniti PAWE
5. FGD 5: Komuniti Felda Palong 7 dan 8, Jempol
6. FGD 6: Belia Felda Palong 1-14, Jempol
7. Lawatan Tapak 3: Lawatan Tapak Di Jeram Padang dan Projek Rumah Terbengkalai

PASUKAN PENYELIDIK



TARIQ ZIAD ABDUL RAZAK
(Ketua Penyelidik)

**DR. WAN SUZITA
WAN IBRAHIM**



**KARUPPIAH A/L
PALANIANDY**

NORAZLINI MOHD ALI

LAWATAN PEMETAAN KAWASAN

TELAH DIJALANKAN PADA

12-14 JAN 2025 (AHAD – SELASA)



01
09 Disember 2024
Mesyuarat Awalan



02
19 Disember 2024
Mesyuarat Pemprofilan



03
12 Januari 2025
FGD 1 dan Lawatan Tapak 1: Komuniti Orang Asli Kampung Panchor



06
13 Januari 2025
FGD 4: Komuniti PAWE



05
12 Januari 2025
Lawatan Tapak 2: Pertemuan Antara Sungai Muar dan Sungai Jempol



04
12 Januari 2025
FGD 2 & 3: Komuniti India dan Cina



07
13 Januari 2025
FGD 5: Komuniti Felda Palong 7 dan 8, Jempol



08
13 Januari 2025
FGD 6: belia Felda Palong 1-14, Jempol



09
13 Januari 2025
Lawatan Tapak 3: Jambatan Menghubungkan Tiga Sempadan



12
14 Januari 2025
FGD 9: Komuniti Pengusaha Inap Desa Kampung Lonek



11
14 Januari 2025
FGD 8: Komuniti Kampung Melayu Tradisi Kampung Sri Rompin



10
14 Januari 2025
FGD 7: Komuniti Mangsa Banjir dan Petani di Kampung Baru Rompin



09 DISEMBER 2024 - MESYUARAT AWALAN

Puan Nur Rahmah, Dr. Wan Suzita dan Dr. Teo Lee Ken telah mengadakan mesyuarat awalan bersama Pegawai Khas Ahli Parlimen Jempol, En. Khairul Anuwar bagi membincangkan gerak kerja APPGM-SDG bagi tahun 2025. Hasil daripada perbincangan tersebut, pihak Parlimen Jempol menyatakan sokongan penuh terhadap gerak kerja ini dan tidak mempunyai sebarang halangan dalam pelaksanaannya.



19 DISEMBER 2024 - MESYUARAT PEMPROFILAN

Mesyuarat ini telah diketuai oleh Ketua Penolong Pegawai Daerah (KADO), Pn. Siti Aisyah, mewakili Pegawai Daerah yang turut hadir, Pegawai Khas YB Parlimen, Ketua DUN, pegawai-pegawai dari Pejabat Daerah Jempol serta pasukan APPGM-SDG, Dr. Wan Suzita (Koordinator Zon Selatan APPGM-SDG), Tariq Ziad (Ketua Penyelidik bagi kawasan Parlimen Jempol) dan Nurul Syahirah (Penyelidik). Hasil daripada perbincangan ini, lawatan tapak serta FGD dijangka akan berlangsung pada 12- 14 Januari 2025. Beberapa isu utama yang dikenal pasti termasuklah isu berkaitan **(1)** pemerksaan pelajar; **(2)** pemerksaan promosi pelancongan tempatan; **(3)** kemampanan perniagaan; dan **(4)** kebajikan warga emas.



FGD 1 DAN LAWATAN TAPAK 1: KOMUNITI ORANG ASLI

Proses pemetaan isu dimulakan dengan sesi lawatan tapak dan FGD bersama Komuniti Orang Asli di Kampung Panchor, yang turut dihadiri En John Baharyn b. Ayom dan Tok Batin Kampung Panchor. Isu utama yang dihadapi ialah kerosakan jalan ke kampung akibat penggunaan oleh pekerja ladang kelapa sawit. KOA Kampung Panchor memohon pembinaan jalan baru merentasi laluan kereta api untuk menggantikan jalan ladang yang rosak.



FGD 2 DAN 3: KOMUNITI INDIA & CINA

Aktiviti FGD diteruskan di Kampung Pekan Jelai bersama Komuniti India dan Cina. Sesi ini turut dihadiri oleh En Rajukumar, Pengurus Kampung Pekan Jelai. Kampung Pekan Jelai adalah salah satu kawasan yang terkesan akibat banjir. Salah satu usaha yang dilakukan adalah membesar Sungai Muar yang diharapkan dapat menjadi penyelesaian kepada isu banjir yang dihadapi oleh penduduk setempat.



LAWATAN TAPAK 2: PERTEMUAN ANTARA SUNGAI MUAR DAN SUNGAI JEMPOL

Lawatan tapak ini bertujuan untuk menilai potensi kawasan penarikan sebagai destinasi tarikan bagi penduduk tempatan dan pengunjung. Pada zaman dahulu, para pedagang dari Sungai Muar (dari Barat) akan mengangkut kapal kecil melalui jalan darat sepanjang 500 meter untuk ke Sungai Serting bagi meneruskan perjalanan ke pantai Timur (dan sebaliknya).



FGD 4: KOMUNITI PAWE

FGD bersama Komuniti Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) telah dijalankan di pusat komuniti PAWE Jempol yang dihadiri oleh ahli PAWE, AJK, pentadbir, dan Pengurus PAWE. Antara isu yang dikongsi adalah: **(1)** berkaitan dengan kebijikan pekerja (gaji yang rendah dan status pekerjaan adalah sukarelawan); **(2)** dana yang tidak mencukupi; **(3)** bangunan yang sempit dan terhad; **(4)** permasalahan berkaitan dengan penyelaras kerja yang melibatkan negeri dan persekutuan; dan **(5)** kebijikan warga emas yang masih tercicir (kesukaran untuk permohonan bantuan JKM)



FGD 5: KOMUNITI FELDA PALONG 7 DAN 8, JEMPOL

FGD bersama komuniti Felda Palong 7 & 8 telah diadakan di Balairaya Palong 7 yang dihadiri oleh 13 orang, termasuk GPW peneroka, wakil koperasi, wakil JPKK dan wakil belia Felda. Antara isu yang dibangkitkan adalah masalah sosial seperti: **(1)** kes dadah, ketum, *vape*, dan ponteng sekolah yang semakin berleluasa; **(2)** perjudian atas talian; **(3)** isu rumah generasi kedua serta syarat baru tanah GSA yang membebangkan warga Felda; **(4)** ketidaksefahaman antara pentadbir negeri dan Felda; **(5)** kualiti klon pokok yang tidak bermutu; **(6)** masalah anjing liar; **(7)** kegagalan fungsi FGV; dan **(8)** isu banjir kilat dan pengairan longkang yang tersumbat.



FGD 6: BELIA FELDA PALONG 1-14, JEMPOL

FGD bersama belia telah diadakan di Palong 7 yang dihadiri oleh 10 orang wakil belia Felda dari Palong 1-14, termasuk Setiausaha Belia, wakil Majlis Belia Daerah Jempol, Negeri Sembilan. Antara isu yang dibangkitkan adalah: **(1)** masalah sosial seperti judi atas talian; **(2)** tiada peluang pekerjaan; **(3)** isu rumah generasi kedua; **(4)** kesukaran untuk mendapatkan lesen perniagaan; **(5)** cabaran berkaitan kerjasama antara agensi dan warga Felda yang dilihat agak terhad; **(6)** tiada baikpulih untuk lokasi futsal yang sedia ada; dan **(7)** kekurangan kemudahan sosial seperti bas sekolah, stesen minyak, balai bomba, dan pejabat polis.



LAWATAN TAPAK 3: LAWATAN TAPAK DI JERAM PADANG DAN PROJEK RUMAH TERBENGKALAI

Lawatan tapak di Jeram Padang yang merupakan jambatan menghubungkan tiga sempadan antara Pahang, Johor dan Negeri Sembilan. Seterusnya, lawatan ke rumah generasi ke-2 Palong 7 yang terbengkalai sejak 2023 iaitu sebanyak 220 di kawasan perumahan pertama dan 330 unit rumah di kawasan perumahan yang kedua.



FGD 7: KOMUNITI BANJIR DAN PETANI DI KAMPUNG BARU ROMPIN

FGD bersama komuniti mangsa banjir dan petani telah dijalankan di dewan komuniti kampung tersebut. Perbincangan ini dihadiri oleh ketua kampung, JPKK, pekebun, pegawai Rela dan ahli wanita kampung. Antara isu yang telah dikongsikan adalah: **(1)** isu banjir; **(2)** masalah sosial berkaitan *vape* dan ponteng sekolah; **(3)** isu kesihatan komuniti; **(4)** isu tidak mempunyai rumah kediaman; **(5)** masalah sistem perparitan yang tidak diselenggarakan; dan **(6)** isu kekurangan peluang pekerjaan.




FGD 8: KOMUNITI KAMPUNG MELAYU TRADISI KAMPUNG SRI ROMPIN

FGD bersama Komuniti Kampung Melayu di Kampung Sri Rompin telah mendedahkan beberapa isu penting. Antara isu yang dibangkitkan ialah: **(1)** kesukaran peniaga kampung untuk mendaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Komuniti beranggapan pendaftaran SSM merugikan kerana ia menghilangkan kelayakan untuk memohon Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT). **(2)** Komuniti juga menghadapi gangguan daripada monyet dan anjing liar yang berkeliaran. Anjing liar sering menjadi punca kemalangan apabila penduduk terjatuh daripada motosikal atau basikal ketika cuba melarikan diri. Selain itu, **(3)** kelemahan capaian internet di kampung ini menimbulkan masalah besar, terutamanya kepada pelajar yang ingin mengulang kaji pelajaran.



FGD 9: KOMUNITI PENGUSAHA INAP DESA KAMPUNG LONEK

FGD bersama Komuniti Pengusaha inap desa yang berlangsung di Kampung Lonek telah mengutarakan beberapa isu utama berkaitan permasalahan yang dihadapi oleh pihak pengusaha pelancongan. Antaranya ialah: **(1)** jalan raya yang sempit menyukarkan pengunjung, terutama yang datang menggunakan bas untuk masuk ke kawasan kampung; Selain itu, **(2)** lembu-lembu ternakan dari kampung berdekatan telah mencemarkan suasana dan pemandangan Kampung Lonek apabila najis haiwan tersebut bersepah di atas jalan; dan **(3)** pengusaha inap desa berhadapan dengan permasalahan ketidaksefahaman antara pengusaha dan pelancong luar negara yang tidak memahami budaya konservatif masyarakat setempat.



**Penyelarasan
Kawasan Parlimen**

**Pengurusan Projek
Mikro SDGs**

**Pembangunan
Kapasiti**

**Advokasi Dasar
Peringkat Parlimen**

**Solusi Dasar
Peringkat Daerah**

**Pemerkasaan
Belia**

**Akademi
MySDG**

**Pusat MySDG untuk
Rangkuman Sosial**

**Pusat MySDG untuk Alam
Sekitar & Kemampanan**



**Persatuan Promosi Matlamant Pembangunan Lestari
(PPM-023-14-07012020)**

- 📍 A-1-10, Blok A, Pusat Perniagaan Seksyen 8, Jalan Sg. Jernih 8/1,
46050 Petaling Jaya, Selangor.
- ✉️ secretariat@appgm-sdg.com
- 🌐 <https://www.facebook.com/APPGMSDGMY>
- 🌐 <https://appgm-sdg.com/>

MENINGKATKAN KETERANGUMAN DAN KEMAMPANAN